

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**HIT 511 - SAINS AL-HADITH**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan kertas soalan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA soalan sahaja. Setiap soalan membawa nilai markah yang sama.

1. [a] Para ulama hadith telah menetapkan syarat-syarat penerimaan sesebuah hadith serta alasan-alasannya bagi setiap syarat tersebut. Alasan-alasan tersebut meyakinkan pengkaji hadith tentang keperluan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan. Bincangkan takrif hadith **sahih li dhatih** صحيح لذاته , dengan memfokuskan maksud dan alasan bagi setiap syarat yang terkandung dalam takrif.

[60 markah]

- [b] Ilmu **Mukhtalaf al-Hadith** مختلف الحديث sangat mustahak dalam menghadapi ancaman terhadap al-Sunnah di zaman kini. Bincangkan.

[40 markah]

2. [a] Hadith **da'if** حديث ضعيف telah disalahfahami oleh banyak pihak. Kebanyakan mereka beralaskan bahawa hadith-hadith daif boleh diamalkan dalam beberapa perkara. Namun maksud hadith **da'if** dan syarat-syarat penggunaannya seperti ketetapan ulama hadith gagal difahami oleh mereka. Bincangkan maksud hadith **da'if** serta syarat pengamalannya menurut ulama hadith.

[50 markah]

- [b] Ilmu **Sabab Wurud al-Hadith** سبب ورود الحديث adalah satu ilmu yang penting dalam memahami hadith. Bincangkan syarat-syarat ijtihad dalam mengenali **Sabab Wurud al-Hadith** dan kepentingannya.

[50 markah]

3. [a] **Taqwiyyat al-Ahadith al-Hasanat wa al-Da'ifat** تقوية الأحاديث الحسنة والضعيفة boleh mengubah status sesebuah hadith. Bincangkan syarat-syarat kelayakan penaiktarafan sesebuah hadith bagi proses tersebut dan kaedah penaiktarafan itu dilakukan.

[60 markah]

- [b] Bincangkan perkara-perkara yang tidak layak untuk dijadikan sebab penaiktarafan sesebuah hadith.

[40 markah]